

23 MAR 2002

Mahathir-Lawatan

MAHATHIR ANGGAP LAWATAN KE RUSIA, JERMAN DAN POLAND BERJAYA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

WARSAW, 23 Mac (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengakhiri lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland di sini hari ini, menyifatkan kunjungannya ke tiga negara itu sebagai berjaya.

Perdana Menteri berkata lawatan itu telah mendapat sambutan baik daripada ketiga-tiga kerajaan berkenaan.

"Mereka begitu terbuka dalam perbincangan kita dengan mereka berkenaan masalah dua hala dan antarabangsa.

"Nampak jelas ketiga-tiga negara bersetuju dengan pendirian kita berkenaan dengan masalah terrorism (keganasan) umpamanya dan semua bersetuju supaya kita perlu meningkatkan lagi dagangan antara negara-negara kita," katanya pada persidangan media di sini hari ini sebelum berlepas pulang ke ibu negara setelah berada di negara ini selama tiga hari.

Beliau berkata Rusia bersetuju menerima lebih banyak penuntut Malaysia manakala Jerman bersetuju mengadakan kerjasama mendirikan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

"Di sini kita juga mendapat sambutan amat baik, mereka menghormati pendirian Malaysia dan bersetuju dengan pendirian kita dalam kebanyakan isu antarabangsa termasuk terrorism," katanya.

Dr Mahathir merupakan perdana menteri Malaysia pertama melawat Poland sejak kedua-dua negara mengadakan hubungan diplomatik 30 tahun lepas.

"Saya yakin dengan lawatan ini, kita telah menjalin hubungan amat baik dengan pemerintahan ketiga-tiga negara dan saya percaya ia akan menyumbang kepada pertumbuhan negara kita dan pengiktrafan kita dalam dunia antarabangsa," katanya.

Semasa di Poland, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya Laszek Miller dan bertemu Presiden Poland Aleksander Kwasniewski.

Beliau juga menyaksikan keupayaan peralatan tentera buatan Poland dan berucap pada forum perniagaan Malaysia-Poland.

Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan Malaysia berjumlah AS\$5,000 kepada masjid di Glandsk-Oliwa dan bersolat Jumaat bersama-sama masyarakat Islam di bandaraya pelabuhan itu semalam.

-- BERNAMA

AZZ RV NAK